

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 30 JUN 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 32

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-022-L18487
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - (a) setakat manakah keberkesanan pihak Kementerian dalam menyelesaikan masalah yang tiada kad pengenalan dan surat beranak sehingga hari ini di seluruh negara; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mencari satu penyelesaian yang drastik untuk menangani isu kad pengenalan dan surat beranak khususnya di negeri Sarawak memandangkan hak ini telah terlalu lama dipraktikkan.
2. PR-022-L18973
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah kes keganasan rumah tangga mengikut negeri dan langkah-langkah untuk melindunginya.
3. PR-022-L19288
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan rancangan Kerajaan untuk membangun kawasan luar bandar di negeri Sarawak lebih-lebih lagi di kawasan Parlimen Serian dari segi
 - (a) Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Bekalan Air Luar Bandar; dan

- (b) Jalan Kampung / Jalan Luar Bandar dan Lampu Jalan Kampung.
4. PR-022-L19423
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil kajian pelaksanaan dasar Islam Hadhari oleh Kerajaan. Apakah masalah yang dihadapi oleh Kerajaan sehingga dasar Islam Hadhari memerlukan kajian semula.
5. PR-022-L18640
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dari tahun 2006 hingga 2008 untuk memperbaiki dan menaik taraf jalan-jalan serta parit-parit di taman perumahan dan bandar. Adakah pihak Kementerian menambah peruntukan pada RMK-10 nanti kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Jika tidak, kenapa.
6. PR-022-L20138
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan keadaan bekalan air termasuk penswastaaan di seluruh negara amnya dan Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur khasnya. Berapa projek khas dan taklukannya seperti terowong dari Pahang ke Selangor akan dibina untuk memastikan tidak wujud masalah bekalan air di negara ini.
7. PR-022-L19063
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilangan unit rumah yang telah dapat disiapkan bagi tempoh tahun 2000 hingga 2008 di bawah skim perumahan untuk rakyat termiskin dan apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan setiap rakyat mampu memiliki rumah.
8. PR-022-L19595
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan dilakukan supaya kedudukan Malaysia di dalam Climate Change Performance Index 2009 naik daripada kedudukan sekarang iaitu 52 daripada 57.
9. PR-022-L19323
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana kejayaan Konsep Rakan Kongsi Kementerian dengan Pertubuhan Belia
- (a) apakah matlamat asal kewujudan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 tercapai; dan

- (b) apakah langkah Kementerian bagi menjayakan matlamat supaya semua kegiatan dirancang dan dilakukan oleh pertubuhan belia.
10. PR-022-L18520
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian Kerajaan sama ada warga Malaysia digalakkan untuk bekerja di luar negara pada masa kemelesetan ekonomi dan pengangguran ini. Jika tidak, mengapa. Jika ya, apakah bentuk galakan dan nyatakan sama ada caj pasport akan dikurangkan.
11. PR-022-L20092
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apa sebenarnya rasional dan kebajikan yang di harapkan daripada percantuman Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Malaysia yang bakal dilaksanakan pada bulan Ogos 2009 ini.
12. PR-022-L20047
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemajuan Projek Menaik Taraf Persimpangan Jalan Serdang Raya / Jalan Puchong-Sungai Besi yang asalnya dijangka siap pada 14 Jun 2009 dan sebab-sebab projek ini adalah 90 peratus lewat daripada jadual asal.
13. PR-022-L19893
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) keuntungan Petronas dan dividen yang diberi dari Januari ke Mac tahun 2009 dan perbandingan dengan tempoh yang sama tahun lepas; dan
- (b) keuntungan runcit (retail profil) dan penjualan pump (pump sales) dan apakah keuntungan Kerajaan dalam jualan petrol dan diesel dari hasil penjualan pump.
14. PR-022-L19031
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah statistik mengenai pinjaman TEKUN yang telah diberikan; dan
- (b) berapa ramaikah usahawan dari peminjam ini yang berjaya.

15. PR-022-L19009
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kerajaan merancang untuk membuka ladang-ladang pertanian (milik Kerajaan) selain kelapa sawit bagi mengeluarkan hasil-hasil pertanian yang bertujuan untuk pasaran ke luar negara sahaja.
16. PR-022-L19399
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor pakar, jururawat terlatih, pembantu makmal dan juru x-ray yang akan diserap oleh 42 buah hospital swasta baru yang telah pun diluluskan pada tahun 2008.
17. PR-022-L18979
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah kos yang telah dibelanjakan untuk menyelenggarakan jalan-jalan luar bandar di negeri Sabah sejak tahun 2004 hingga 2008.
18. PR-022-L20061
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar seorang imam di Masjid Saidina Umar Al-Khattab Bukit Damansara, Syamsul Firdaus Mohamed Supri dipecat kerana menyeru kepada "pemerintahan adil, telus dan cara yang betul" dalam khutbah Jumaatnya Februari lalu.
19. PR-022-L19469
Dato' Shahrir Bin Ab. Samad [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian terkini Kerajaan Malaysia berikutan pertemuan YAB. Perdana Menteri dengan rakan sejawatnya dari Republik Singapura pada akhir bulan Mei 2009 terhadap soal menggantikan Tambak Johor dengan sebuah jambatan baru bagi menghubungkan Johor Bahru dengan pulau Singapura.
20. PR-022-L19087
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jangkaan projek LATAR akan dimulakan dan disiapkan serta adakah LATAR akan di sambungkan ke lebuh raya Persekutuan dari Selayang dan sekiranya tidak, mengapa.
21. PR-022-L19650
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia mendengar idea-idea yang diberikan oleh golongan belia bagi menambahbaikkan pembangunan sosio belia di dalam negara ini selaras dengan konsep Satu Malaysia.

22. PR-022-L19190
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan alasan mengapakah markah lulus PMR bagi kebanyakan mata pelajaran ialah 20/100 dan Matematik 8/100.
23. PR-022-L18523
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan peratusan kawasan luar bandar yang masih belum mendapat bekalan air dan elektrik. Apakah langkah-langkah diambil dan jumlah peruntukan disediakan untuk membantu rakyat di kawasan-kawasan ini.
24. PR-022-L19768
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan asing yang telah dilaburkan di Negeri Sembilan dan bulan Januari 2009 hingga Mei 2009 mengikut sektor, nilai setiap pelaburan tersebut, lokasi dan nama syarikat yang membuat pelaburan tersebut.
25. PR-022-L18687
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah drama dalam program tempatan yang ditayangkan di semua stesen televisyen pada tahun 2006, 2007, 2008 dan enam bulan pertama tahun 2009; dan
 - (b) sejauh manakah berita "Warta Serumpun" telah memberi impak kepada hubungan Malaysia-Indonesia.
26. PR-022-L18418
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan program 'Harm Reduction' meliputi terapi penggantian dadah Methadone, edaran kondom dan pengedaran jarum menjerus aspek rekrutmen peserta, kaedah pemberian methadone, peranan NGO's dan elemen pemantauan.
27. PR-022-L19557
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mula mengambil 800 pekerja kontrak untuk Program Cari di bawah Pelan Rangsangan Ekonomi yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri dan berapakah jumlah pegawai yang akan ditempatkan di kawasan Parlimen Sibuti.

28. PR-022-L19002
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada benar penasihat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Zainal Abidin Osman pernah menyatakan Kementerian ini akan memperuntukkan RM1.1 juta untuk membantu 22 buah keluarga miskin tegar di negeri Pulau Pinang. Jikalau ya, sila beri butir-butirnya.
29. PR-022-L19294
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peratusan jawatan doktor dan doktor pakar yang telah diisikan.
30. PR-022-L19834
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan oleh Kerajaan khusus bagi membangunkan sukan bola sepak dan hoki agar dapat bersaing dengan negara lain memandangkan kedua-dua jenis sukan ini diminati oleh rakyat pelbagai kaum di negara ini.
31. PR-022-L19156
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapa bilangan kes penjenayah siber sejak Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 diperkenalkan hingga kini. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menangani isu jenayah siber ini.
32. PR-022-L19512
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah sebabnya sebahagian dari orang-orang kenamaan di negara ini lebih cenderung mendapatkan rawatan perubatan di hospital-hospital luar negara, sedangkan tidak kurang hebatnya kepakaran yang ada di hospital-hospital dalam negara termasuklah hospital-hospital Kerajaan.
33. PR-022-L19827
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sejauh mana penularan wabak H1N1 (selesema babi) telah menjejaskan kedatangan pelancong ke negara ini.
34. PR-022-L18829
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga tahun 2008 berapakah peratus pemilikan harta di antara kaum di negara ini dan berapakah jumlah premis-premis perniagaan yang dimiliki mengikut kaum di setiap negeri serta langkah-langkah mengimbangkan perbezaan tersebut.

35. PR-022-L20025
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cabutan istimewa (special draw) empat nombor ekor yang telah dibenarkan sejak 1999. Daripada jumlah tersebut, berapakah dana berjaya dikutip dan di manakah dana tersebut disalurkan.
36. PR-022-L18502
Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sebab-sebab kenapa Kementerian tidak mewajibkan pendaftaran bahan-bahan kimia yang berbahaya.
37. PR-022-L18624
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tujuan membawa konsep liberalisasi di dalam pentadbiran Kerajaan baru pimpinan beliau serta apakah sektor-sektor yang akan diliberalisasikan dan bagaimanakah perlaksanaannya boleh membawa faedah kepada rakyat Malaysia.
38. PR-022-L18530
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah kereta dan kenderaan berat yang telah dirampas oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia sejak tahun 2000 kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kastam; dan
 - (b) dari jumlah ini berapa yang telah dilelong dan yang belum dilelong. Berapakah anggaran nilai kereta-kereta yang belum dilelong ini.
39. PR-022-L18742
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah bukan Islam yang memeluk agama Islam semenjak 10 tahun yang lalu; dan
 - (b) adakah kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun boleh ditukar agama oleh salah seorang ibu dan bapanya.
40. PR-022-L19763
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berniat memperkenalkan satu kriteria berdasarkan kebolehan (merit) dan ekualiti tanpa merujuk kepada bangsa apabila menganugerahkan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

41. PR-022-L18611
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah pemimpin-pemimpin negara yang telah mengucapkan tahniah atas pelantikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri.
42. PR-022-L19351
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Kerajaan meletakkan syarat pengambilan insurans komprehensif (1st party) kepada teksi sebelum boleh memperbaharui cukai jalan bagi teksi yang lebih 5 tahun dan telah selesai pembayaran pinjamannya yang mana ini membebankan tuan punya teksi.
43. PR-022-L18914
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan selaras dengan Konsep Satu Malaysia, tidakkah Kerajaan bercadang untuk melupuskan perkataan keling yang terdapat dalam kamus Dewan yang dilihat menyinggung perasaan kaum India dan juga penggunaannya seperti Tanjung Keling di Melaka.
44. PR-022-L19455
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peraturan-peraturan terkini kawalan tembakau dan hasil tembakau dan apakah strategi pemantauan yang efektif terutama di bangunan-bangunan Kerajaan seperti di Parlimen.
45. PR-022-L19003
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula keperluan untuk memulihkan pilihan raya untuk Kerajaan tempatan.
46. PR-022-L18741
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ketidakefektifan, ketidakberkesanan keputusan Jemaah Menteri berhubung kes memeluk agama baru-baru ini serta bagaimanakah keputusan ini dapat diimplementasikan mengikut peruntukan undang-undang.
47. PR-022-L20142
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan memberi kelulusan untuk jaminan RM5 bilion bagi penubuhan Tabung Kedaulatan Khazanah Pulau Pinang. Jika tidak, sila tanyakan mengapa.

48. PR-022-L19760
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memperkenalkan semula Bahasa Inggeris, bahasa antarabangsa, sebagai bahasa untuk digunakan dalam prosiding Parlimen untuk menunjukkan kepentingan mempunyai satu Parlimen bertaraf dunia.
49. PR-022-L19865
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah hasil (revenue) yang diperoleh oleh Kerajaan daripada kegiatan penjualan empat nombor ekor dalam tahun 2008. Pada puratanya, berapa hasil (revenue) boleh didapati oleh Kerajaan dalam satu "draw" dari Da Ma Cai, Magnum, Toto dan Big Sweep ini.
50. PR-022-L19874
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah urusan Persempadanan Semula Bahagian Pilihan raya akan diadakan.
51. PR-022-L19692
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kemungkinan levi tidak dinaikkan bulan Ogos 2009 ke atas levi yang sudah pun tinggi sekarang untuk mengambil pekerja asing dalam sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan.
52. PR-022-L19118
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah pencerobohan hutan oleh warga asing terutamanya warga Thailand untuk mencari kayu gaharu dan memburu binatang buas.
53. PR-022-L19322
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) butiran emolumen dan kemudahan yang diterima bekas Perdana Menteri, Y.B Kepala Batas sebagai Penasihat Koridor dan Penasihat MAS; dan
 - (b) adakah benar sebuah banglo dianggarkan lebih RM40 juta akan dibina di Jalan Mahameru, Kuala Lumpur, sebagai ehsan Kerajaan kepada bekas Perdana Menteri itu.

54. PR-022-L19107
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah sebab sambutan terhadap program "Latih dan Tempatkan" kurang mendapat sambutan di kalangan pekerja yang dibuang kerja seramai 18,000 orang.
55. PR-022-L19486
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah penguatkuasaan Seksyen 33 (Mendapatkan Tunggakan Caj). Akta 663 (Akta Bangunan dan Harta Bersama-Penyelenggaraan dan Pengurusan) yang menyebabkan kegagalan pengurusan dan penyelenggaraan kebanyakan rumah-rumah pangsa bertingkat di seluruh negara.
56. PR-022-L18543
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) adakah kajian telah dibuat secara terperinci mengenai kualiti bahan input subsidi pertanian racun perosak yang diberikan kepada pesawah khususnya dalam kawasan Muda (MADA); dan
 - (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk mempelbagaikan bahan input subsidi pertanian ini supaya pesawah dapat memanfaatkan kupon subsidi ini secara maksimum.
57. PR-022-L19783
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengapa Tan Sri Ghazzalie Sheikh Khalid dan Datuk Jamaluddin Jarjis disenarai-pendekkan untuk pelantikan sebagai Duta ke Amerika Syarikat.
58. PR-022-L19985
Datuk Hajah Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian memeriksa untuk menentukan bahawa bahan makanan ikan yang diternak oleh pengusaha-pengusaha ikan kolam seluruh negara adalah halal; dan
 - (b) berapa kes-kes yang telah didakwa.

59. PR-022-L18929
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah dan kadar pengangguran mengikut negeri-negeri. Apakah kesan pakej rangsangan yang dilaksanakan setakat ini dapat menangani masalah peningkatan jumlah dan kadar pengangguran ini.
60. PR-022-L19209
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa banyak dana diperuntukkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada setiap negeri untuk membantu keluarga termiskin, OKU, Ibu Tunggal dan sebagainya. Dari jumlah ini berapakah yang dipergunakan untuk kos program "cari-cari", khususnya di mana ahli parti BN telah digunakan sebagai pegawai kontrak untuk mencari penerima bantuan.
61. PR-022-L18559
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang supaya mereka yang mengambil daun ketum, menghidu gam dan tahi lembu boleh didakwa dan dihukum; dan
 - (b) berapa banyak lagi pil-pil yang mengkhayalkan yang belum lagi disenaraikan di bawah "Poison Act".
62. PR-022-L20171
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah projek pembinaan Jambatan Bengkok akan dikaji semula dan adakah Kerajaan bersedia untuk mengadakan rundingan semula mengenai perkara itu dengan Kerajaan Singapura.
63. PR-022-L19649
Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian mengesan sebarang usaha untuk menghidupkan komunisme di negara ini.
64. PR-022-L18793
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah perlaksanaan pakej rangsangan ekonomi ke-2 yang bernilai RM 600 juta bagi projek kecil di bawah Pengurusan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) dan daripada jumlah tersebut berapa banyak di peruntukan untuk kawasan parlimen Pasir Mas P022. Ini Kerana kawasan Parlimen Pasir Mas adalah masih mundur lagi.

65. PR-022-L18800
Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang sedang diambil oleh pihak Kementerian kepada akhbar luar negara di dalam menyebarkan berita palsu terhadap pemimpin negara demi untuk menjaga integriti dan imej negara di mata dunia dan umat Islam.
66. PR-022-L19049
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pemohon yang telah memanfaatkan skim pembiayaan untuk pengajian ijazah lanjutan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua.
67. PR-022-L18748
Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bahawa demonstrasi sudah menjadi satu cara rakyat di negara ini menunjukkan rasa tidak puas hati kepada sesuatu perkara walaupun ada ISA, mereka masih berani menghasut dan mengganggu ketenteraman awam. Adakah Kerajaan bercadang untuk meminda ISA dan lain-lain undang-undang khususnya hukuman kepada mereka yang menderhaka kepada Raja dan Sultan.
68. PR-022-L18737
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status perkahwinan dalam mahkamah anak negeri di Sabah dan adakah perkahwinan ini perlu lagi didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara.
69. PR-022-L18729
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes jenayah (violent and properties) dalam tempoh 5 tahun yang lalu dan berapakah jumlah dan peratusan orang asing yang terlibat (mengikut jenis jenayah). Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung masalah ini.
70. PR-022-L18958
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang impak Kesultanan Sulu di atas tuntutan hak kepada negeri Sabah serta sejauh manakah tuntutan ini mampu untuk digugurkan daripada terus menjadi pertikaian.
71. PR-022-L19889
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah pemaju yang tidak mengikut keputusan dan arahan Tribunal Perumahan dan masih belum didakwa ke Mahkamah. Berapakah pemaju dihukum oleh Mahkamah Tinggi kerana enggan mengikut keputusan Tribunal Perumahan.

72. PR-022-L18441
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah terdapat penurunan ketara dalam bilangan Sekolah-Sekolah Tamil dari 1000 sebelum kemerdekaan ke 523 sekarang dan adakah Kerajaan bercadang untuk membina Sekolah-Sekolah Tamil baru di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk kaum India yang tinggi.
73. PR-022-L19719
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan usaha yang dilakukan untuk mengimbangi kebanjiran filem-filem dan drama import yang disiarkan dalam stesen televisyen tempatan, berikutan kekhuatiran fenomena itu boleh menjejaskan kemajuan industri filem tempatan di negara ini.
74. PR-022-L19017
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kemajuan projek agropolitan ECER. Adakah ianya berjalan mengikut jadual dan bagaimanakah Kerajaan memastikan ianya mencapai maksud dan objektif yang telah ditetapkan.
75. PR-022-L18831
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah perumahan yang dibina mengikut pecahan negeri tahun lalu dan sejauh manakah kesannya terhadap permintaan rumah khususnya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah.
76. PR-022-L19127
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ;-
- (a) berapakah pusat pelupusan sampah yang telah didirikan oleh FELDA yang mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar di Negeri Sembilan dan nyatakan lokasinya; dan
 - (b) apakah tindakan yang berkesan bagi meningkatkan aktiviti kebersihan di FELDA.
77. PR-022-L19392
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan mutakhir tentang cadangan pembangunan tapak bekas Penjara Pudu yang kini terbiar dan merugikan.

78. PR-022-L18668
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan bayi warga asing yang dilahirkan dan didaftar di Sabah sejak 1970 hingga 1996 serta jumlah mereka yang telah mendapat kerakyatan Malaysia.
79. PR-022-L19330
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk melindungi kepentingan orang awam yang telah membeli tiket berbulan-bulan terdahulu akibat dipengaruhi oleh kempen pengiklanan AirAsia dalam surat khabar, sekiranya syarikat AirAsia tidak dapat memenuhi obligasinya di masa hadapan.
80. PR-022-L18646
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan setakat ini tindakan membantu pekerja yang diberhentikan kerja menyertai Skim Latihan mendapat sambutan daripada rakyat yang terlibat, jika ada rakyat yang menyertai Skim Latihan tersebut berapakah jumlahnya.
81. PR-022-L20024
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dan langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan di dalam memastikan asas Federalisme dihormati di dalam menjaga hubungan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri di Malaysia.
82. PR-022-L19748
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan dalam memperkasakan Sekolah Agama Rakyat (SAR).
83. PR-022-L18442
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan :-
- (a) apakah terdapat kekurangan bekalan elektrik atau air di Tawau di mana kekerapan gangguan bekalan adalah tertinggi antara semua negeri dan bandar di seluruh Malaysia, terutama sekali dalam beberapa bulan kebelakangan ini. Apakah perancangan bekalan berkaitan untuk masa depan bagi bandar Tawau; dan
 - (b) bagaimanakah Kementerian bercadang untuk membantu Kerajaan Negeri Sabah dalam menyelesaikan masalah ini di Sabah dan Tawau yang sudah wujud terlalu lama.

84. PR-022-L19188
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tujuan Kerajaan menyokong draf resolusi Kerajaan Sri Lanka di Human Rights Council (HRC), di Geneva. Adakah Kerajaan Malaysia tidak peka dengan phenomena genocide dan ethnic cleansing yang dihadapi oleh orang keturunan Tamil di negara itu.
85. PR-022-L18470
Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kesan langkah-langkah Kementerian untuk menarik minat pekerja-pekerja tempatan untuk mengisi lebih 209,600 peluang pekerjaan dalam lima sektor pada tahun ini, seperti yang diumumkan oleh YB Menteri bulan lalu.
86. PR-022-L19224
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan hasil pertemuan dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Hillary Clinton dan hasil lawatan ke Amerika Syarikat.
87. PR-022-L19731
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah warga asing yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia dan apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan jumlah penuntut warga asing di IPT di negara ini.
88. PR-022-L18578
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa Kementerian mengambil masa begitu lama untuk menghapuskan Demam Chikungunya yang kebanyakan berlaku di kawasan kampung, berbanding dengan tindakan cepat yang diambil untuk mengatasi penyakit lain yang berlaku di bandar dan melibatkan golongan elit utama.
89. PR-022-L19514
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah anggota Polis yang terlibat dalam Pilihan raya Kecil Permatang Pauh, Kuala Terengganu, Bukit Gantang, Bukit Selambau, Batang Ai dan Penanti dan nyatakan jumlah dan jenis perbelanjaan serta kontraktor yang terlibat serta kes-kes laporan Polis mengikut kawasan pilihan raya kecil tersebut.
90. PR-022-L18488
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah "preventive" yang sedang diambil oleh kementerian terhadap Flu virus (H1N1) dan berapakah jumlah kes yang sudah dicatat.

91. PR-022-L18954
Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah minimum muflis (bankrap) daripada RM30,000 kepada RM50,000. Jika ya bila dan jika tidak kenapa.
92. PR-022-L18865
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-
- (a) apakah mekanisme yang diamalkan oleh Kerajaan untuk mengawal barangan perlu (essential items) dan mengapa tidak dibiarkan 'Market Forces' menetapkan harga; dan
 - (b) perlukah Jemaah Menteri kita untuk memutuskan harga pasaran ayam /daging ayam. Bolehkah Jemaah Menteri menumpukan perhatian kepada polisi-polisi Kerajaan yang akan membawa perubahan dan meletak Malaysia sebagai Negara Maju (First World) berbanding dengan isu-isu yang boleh dikendalikan oleh jabatan-jabatan berkenaan.
93. PR-022-L20108
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk melaksanakan program vaksinani bagi penternak dan ternakan babi sebagai salah satu langkah pencegahan menularnya wabak selesema babi.
94. PR-022-L18658
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu pemilik atau pemandu bas sekolah yang sukar untuk membeli insurans kenderaan.
95. PR-022-L18406
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan keberkesanan dana kebajikan bagi pesara anggota tentera kerana sering kali kita melihat dan mendengar akan kesusahan yang terpaksa diharungi oleh bekas pesara tentera.
96. PR-022-L19791
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam memastikan FAMA dapat memasuki pasaran yang lebih luas terutamanya di peringkat antarabangsa.

97. PR-022-L19989
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan faktor yang menghambat kepada pengkomersialan R & D Bioteknologi yang dilaksanakan oleh Penyelidik di Universiti dan Institusi Penyelidikan tempatan. Berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan setakat ini untuk sektor Bioteknologi. Berapakah R & D di Universiti yang telah dikomersialkan.
98. PR-022-L18779
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha membendung jenayah curi kereta yang kian meningkat dan pendirian Kerajaan atau cadangan mengenakan hukuman sebatan ke atas pesalah-pesalah jenayah curi kereta ini.
99. PR-022-L19161
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
- (a) apakah status pelancaran satelit RazakSAT yang telah ditunda tarikhnya sejak April 2009 dan apakah masalah teknikal sebenar yang dihadapi oleh satelit itu; dan
 - (b) adakah MACC telah menjalankan siasatan terhadap penangguhan pelancaran ini dan apakah hasil siasatan.
100. PR-022-L19577
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah peruntukan geran tahunan mengikut senarai persatuan-persatuan sukan yang berdaftar bagi tahun 2009 untuk melaksanakan program pembangunan sukan dan meningkatkan mutu sukan negara.
101. PR-022-L19920
Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagi menghadapi keadaan krisis ekonomi yang semakin parah sekarang, adakah Kerajaan berhasrat menghantar pulang pekerja asing dan nyatakan rancangan tersebut secara terperinci.
102. PR-022-L18838
Dato' Dr. Mohamad Shahrumb bin Osman [Lipis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Jabatan Imigresen Malaysia bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia dalam usaha membendung kemasukan pendatang tanpa izin secara berleluasa di negara ini.
103. PR-022-L19603
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) jumlah EMU yang dimiliki oleh KTMB berbanding jumlah boleh diguna pakai sehari dari 1 Januari 2009 hingga 1 Mei 2009; dan
- (b) perincian RM10 juta yang akan dibelanjakan KTMB untuk memastikan rangkaiannya lebih mesra OKU, serta syarikat yang dipilih untuk projek ini.
104. PR-022-L19289
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai belanja yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk Pilihan Raya Kecil yang amat tinggi jika dibandingkan dengan jumlah yang dibelanjakan oleh Pakatan Rakyat. Adakah wang rakyat digunakan bagi menampung perbelanjaan tersebut.
105. PR-022-L20104
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Menteri bersedia menghentikan bantahan terhadap penggunaan perkataan "Allah" oleh agama lain seperti Sikh dan Katholik, atas sebab perkataan tersebut telah pun digunakan beratusan tahun dan bukannya untuk mengelirukan penganut agama lain.
106. PR-022-L18712
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang mutu perkhidmatan awam yang dikatakan merosot ekoran aduan-aduan yang bertambah 3 kali ganda sejak 2005.
107. PR-022-L19817
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status perkhidmatan klinik bergerak. Sila nyatakan sama projek ini sudah bermula dan jika tidak, bila serta berapa kawasan, termasuk di Bukit Mertajam, yang akan mendapat perkhidmatan tersebut.
108. PR-022-L19558
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Kerajaan tidak memberikan arahan kepada syarikat penerbangan MAS ataupun AirAsia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri membenarkan atau memberikan pilihan kepada pramugari yang beragama Islam memakai pakaian menurut syarak.
109. PR-022-L19417
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan terdapat berapa jenis sistem letak kenderaan "Parking System" yang diuruskan oleh Kerajaan Tempatan:-

- (a) nyatakan jumlah perbelanjaan dan jumlah pendapatan bagi tahun 2005 hingga 2008 bagi setiap negeri; dan
- (b) berikan sebab-sebab mengapa "Parking System" ini tidak boleh diselaraskan seluruh negara.

110. PR-022-L19936

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Kerajaan bagi mewajibkan semua kakitangan awam yang beragama Islam menggunakan hotel yang mempunyai sijil Halal jika ingin menganjurkan program di hotel.

111. PR-022-L18816

Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senaraikan bank-bank, syarikat-syarikat tempatan, gaji bulanan yang mereka bayar kepada Ketua-ketua Eksekutif kumpulan ini dan nyatakan sama ada Kerajaan berkuasa mengawal bayaran-bayaran ini kerana di Amerika / Eropah, kumpulan ini terus menerima bayaran yang sangat tinggi walaupun syarikat mereka mengalami kerugian yang besar.

112. PR-022-L18606

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian akan menentukan bahawa bayaran talian 'streamyx' diasingkan dengan email: streamix.com dan tmnet.com supaya pelanggan boleh terus menikmati kemudahan email walaupun talian 'streamyx' dipotong.

113. PR-022-L19697

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan, keluasan tanah dan bilangan peneroka yang terlibat dalam Pelan Tanaman Semula 2009 di rancangan-rancangan FELDA dan bantuan yang diberikan kepada peneroka.

114. PR-022-L18864

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status kajian Pelan Induk Limbangan Sungai Johor yang dijalankan sebagai cadangan penyelesaian jangka panjang untuk menangani masalah banjir di daerah Kota Tinggi.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | |
|-------------------|---|-------------------------------|
| 1. (D.R. 4/2009) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 – Menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.”
(29 Jun, 2009) | |
| | (Perdana Menteri) | |
| 2. (D.R. 8/2009) | Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | (Kementerian Kewangan) | |
| 3. (D.R. 11/2009) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) (Pindaan) 2009 | “ |
| | (Perdana Menteri) | |
| 4. (D.R. 10/2009) | Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Pindaan) 2009 | “ |
| | (Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri) | |
| 5. (D.R. 30/2008) | Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008. | “ |
| | (Perdana Menteri) | |
| 6. (D.R. 29/2008) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008. | “ |
| | (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri , Koperasi dan Kepenggunaan) | |
| 7. (D.R. 12/2009) | Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2009. | “ |
| | (Menteri Kewangan) | |

8. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86 (3) dan keputusan Usul yang diluluskan oleh Dewan ini pada 26 Februari 2009, maka Penyata Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat Mengikut Peraturan Mesyuarat 80A dibentangkan di atas Meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas Dewan No. DR 1 Tahun 2009 hendaklah diterima dan dipersetujui."

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM757,459,247 kepada ekuiti Bank Pertanian Malaysia Berhad, suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan)".

10. PR-022-U18570

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sistem pendawaian luar terutama sekali bagi bekalan elektrik pada ketika ini. Adalah amat usang dan ada kalanya amat tidak teratur mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang ada pada ketika ini juga boleh mendatangkan bahaya kepada para pengguna terutama sekali bagi pendawaian yang merentasi jalan raya. Dan mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang sedia ada juga merupakan pencemaran pemandangan di mana kabel yang dipasang sering kali kelihatan tidak teratur, berjuntai dan usang. Maka dengan ini Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar atau pun polisi bahawa semua pendawaian luar bagi bekalan elektrik, terutama sekali di kawasan perumahan dibuat melalui sistem pendawaian bawah tanah."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

11. PR-022-U18572

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pemanasan dunia kini berada dalam keadaan yang kritikal dan salah satu daripada penyumbang kepada keadaan ini adalah penjanaan tenaga elektrik. Dan mengambil maklum bahawa bekalan bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik juga semakin berkurangan.

Dan mengambil maklum bahawa keperluan bekalan elektrik di negara ini juga kian meningkat dan peningkatan ini sebahagian besar disebabkan oleh pembaziran tenaga elektrik, di mana lampu, kipas dan pendingin udara dipasang walaupun tidak diperlukan. Dan mengambil maklum

bahawa isu ini adalah isu global tetapi dapat diselesaikan secara lokal di mana setiap orang mempunyai peranan untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik dan sekali gus mengurangkan punca pencemaran dan pemanasan dunia. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan menggubal satu dasar atau pun undang-undang bagi mendakwa dan menghukum mereka yang sengaja membazir tenaga elektrik. Ketetapan juga haruslah diambil untuk memastikan semua ketua Jabatan Kerajaan, Agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan bertanggungjawab untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik ini dan dimuatkan sebagai salah satu daripada kriteria indeks petunjuk prestasi mereka."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

12. PR-022-U18573

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kanak-kanak adalah permata negara. Dan mengambil maklum bahawa potensi permata negara haruslah digilap sejak awal-awal lagi, seawal peringkat prasekolah mengambil maklum bahawa seawal peringkat pra-sekolahlah permata negara ini harus ditanamkan dan dibudayakan dengan unsur-unsur dan prinsip rukun negara dan konsep 1 Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa sebagai taman bimbingan pra-sekolah yang terbesar di seluruh negara, Tabika Kemas boleh memainkan peranan ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta pihak Tabika Kemas untuk memainkan peranan ini dengan lebih aktif lagi demi untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti, berilmu, sopan dan patriotik."

[Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]

13. PR-022-U20149

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan strategi yang terpenting untuk melengkapkan negara ini terus menghadapi kemerosotan ekonomi dunia serta membolehkan negara ini mengambil kesempatan yang baik apabila ekonomi global mula pulih."

[Kementerian Kewangan]

14. PR-022-U20151

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan kaedah yang paling berkesan untuk mengatasi cabaran mungkin berlakunya pandemik selesema A H1N1 yang sedang melanda dunia. Dewan ini juga membincangkan jangkitan penyakit yang lain seperti meningitis, denggi dan leptospirosis."

[Kementerian Kesihatan]

15. PR-022-U19935

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

16. PR-022-U19942

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di Negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

17. PR-022-U19947

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

18. PR-022-U19953

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

[Perdana Menteri]

19. PR-022-U19956

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja penambahbaikan perjalanan dan pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)"

[Kementerian Dalam Negeri]

20. PR-022-U18678

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dan menetapkan dengan seriusnya mengenai keraguan rakyat Malaysia di Sabah terhadap kedudukan kerakyatan orang-orang asing tanpa proses yang ditetapkan dalam undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan yang hendaklah dikaji dan diputuskan."

[Kementerian Dalam Negeri]

21. PR-022-U18679

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dan menetapkan terhadap keraguan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa apa-apa pindaan kepada Perkara 159 hendaklah tertakluk kepada Perkara 161E untuk menjamin perlindungan kedudukan Perlembagaan Sabah dan Sarawak dengan memperuntukkan bahawa persetujuan Tuan Yang Dipertua Negeri Sabah hendaklah diperolehi untuk pindaan kepada perlembagaan yang menyentuh Perjanjian 20 Perkara seperti:(a) Kewarganegaraan (b) Keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak(c) Perkara di bawah kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri"

[Perdana Menteri]

22. PR-022-U18680

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan dengan seriusnya mengenai kadar kemiskinan yang melanda negeri Sabah. Apakah sebenarnya sebab-sebab kadar kemiskinan di negeri ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung, contohnya pada tahun 2007 kadar kemiskinan di Kelantan 7.2% sedangkan Sabah 16%. Keprihatinan mengenai kedudukan kemiskinan di Sabah haruslah diberi tumpuan yang khusus demi untuk memartabatkan rakyat Malaysia mendapat layanan dan perhatian yang sama tanpa mengira suku kaum, kebudayaan dan agama."

[Perdana Menteri]

23. PR-022-U18752

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mencari satu jalan untuk menyeragamkan segala undang-undang memeluk agama kerana keputusan Jemaah Menteri baru-baru ini langsung tidak efektif dan tidak dapat dikuatkuasakan."

[Perdana Menteri]

24. PR-022-U18458

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membawa resolusi mengecam dan memutuskan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Sri Lanka di mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kezaliman Kerajaan tersebut dalam pembunuhan orang awam Tamil beramai-ramai di Utara-Timur Sri Lanka."

[Kementerian Luar Negeri]

25. PR-022-U18462

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu Kerajaan Persekutuan tidak mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan penerapan lebih banyak calon-calon dari masyarakat India dalam sektor perkhidmatan awam. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan untuk memberi perhatian dalam isu ini agar pengambilan kakitangan ke dalam sektor perkhidmatan awam mengimbangi kaum, jantina dan merit."

[Perdana Menteri]

26. PR-022-U18464

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu kebanyakan Sekolah-Sekolah Tamil di Negara berada dalam keadaan yang serba kekurangan sehingga mendatangkan kesan negatif kepada para pelajar. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan supaya memberi perhatian khusus terhadap pembinaan Sekolah-Sekolah Tamil yang baru dan menaik taraf Sekolah-Sekolah Tamil yang sedia ada di mana perkara ini akan menyediakan suasana pembelajaran yang selamat dan selesa kepada pelajar."

[Kementerian Pelajaran]

27. PR-022-U20067

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh MINDEF, mesti dibentangkan di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya dijadikan sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

[Kementerian Pertahanan]

28. PR-022-U20167

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan agar Kerajaan Pusat melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyegerakan proses penstrukturan semula air di seluruh negara agar pengurusan rawatan dan pengagihan air dikembalikan kepada pihak Kerajaan negeri bagi keefisyenan serta membela kepentingan rakyat dan pengguna, khususnya bagi negeri Selangor yang telah tergendala proses ini akibat sikap dingin pihak Kementerian dalam membuat keputusan yang wajar, tegas dan muktamad."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

29. PR-022-U20168

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengingatkan pihak Kabinet supaya jangan membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlu lebih berhati-hati dalam membuat keputusan khususnya dalam hal yang membawa implikasi pertentangan Mahkamah Sivil dan Syariah , contohnya dalam kes "agama bersama" atau "common" religion baru-baru ini, sebelum dirujuk pelbagai pihak seperti golongan pemimpin agama-agama termasuk para alim ulama, para pengamal perundangan sivil dan syariah, tokoh-tokoh akademik dan cendekiawan serta pemimpin masyarakat sivil, bagi memitigasi konflik pertentangan agama dan perundangan."

[Perdana Menteri]

30. PR-022-U20169

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini segera membuat ketetapan bagi menangani kemelut pemberian Biasiswa Seberang Laut JPA yang setiap tahun berdepan dengan pelbagai pertikaian dengan cara menjadikan sistem penilaian itu satu yang jelas kriterianya (peratus input akademik dan ko-kurikulum) dan telus untuk semua dan dijadikan ia satu isu kategori biasiswa cemerlang untuk seberang laut" serta menetapkan bidang-bidangnya yang lebih menyeluruh bukan sahaja perubatan dan kejuruteraan, tetapi juga kewangan dan ekonomi serta syariat, falsafah dan selainnya bagi benar-benar melahirkan tokoh-tokoh hebat dalam bidang masing-masing. Dewan ini juga perlu menetapkan pelbagai lagi biasiswa lain sama ada yang belajar dalam atau luar negara bagi golongan pelajar lain."

[Perdana Menteri]

31. PR-022-U19220

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

[Perdana Menteri]

32. PR-022-U19225

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Pembunuhan Altantuya Sharibu yang mati dibunuh beberapa tahun lalu. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

[Kementerian Dalam Negeri]

33. PR-022-U0188

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] akan mencadangkan:-

"BAHAWASANYA beberapa bulan yang terdekat ini, rakyat mendapati polis telah bertindak secara tidak bertanggungjawab, secara sewenang-wenangnya melanggar undang-undang dan pilih kasih (double standard) dalam tindakan-tindakan mereka.

Antara tindakan-tindakan mereka yang mempunyai unsur-unsur di atas adalah seperti berikut :-

1. Menghalang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak daripada memasuki Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada 3/3/2009.
2. Mematuhi arahan daripada Setiausaha DUN Perak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan bukannya arahan daripada Speaker DUN Perak apabila menghalang ADUN-ADUN Perak daripada memasuki DUN Perak pada 3/3/2009.
3. Pada 29/3/2009, YB Ong Boon Piaw, ADUN dari DAP bagi kawasan DUN Tebing Tinggi, Perak telah ditangkap dan ditahan kerana mengeluarkan DVD rakaman perjalanan persidangan DUN Perak yang berlangsung pada 3/3/2009 tetapi YB Dato' Dr Mah Hang Soon ADUN dari MCA bagi kawasan Chenderiang, Perak tidak ditangkap atau ditahan apabila beliau mengeluarkan insiden persidangan DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009.
4. Pada 5/5/2009, aktivis dan ahli akademik, Wong Chin Huat telah ditangkap selepas menyeru rakyat Malaysia berpakaian hitam.

5. Pada 6/5/2009, 14 orang individu termasuk seorang ahli Parlimen ditangkap kerana menunjukkan solidariti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
6. Pada 7 Mei juga, 15 orang individu dan 5 peguam ditangkap kerana menunjukkan solidariti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
7. Pada 7/5/2009, 69 orang individu termasuk ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri telah ditangkap dan ditahan semasa minum dan makan di restoran, sedang berjalan kaki atau pakai pakaian warna hitam di kawasan Ipoh, Perak. Kegiatan-kegiatan ini langsung tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang.
8. Pihak polis mencerobohi DUN Perak pada 7/5/2009 dan secara paksa mengheret keluar YB V. Sivakumar, Speaker DUN Perak daripada DUN Perak dan mengurung beliau dalam sebuah bilik.
9. Sewenang-wenangnya tidak membenarkan rakaman insiden DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009 ditayangkan dalam Majlis Makan Malam DAP di Sitiawan, Perak pada 9/5/2009 dan secara ganas dan berkelakuan samseng memberhentikan jamuan makan malam tersebut dan merampas alat-alat audio video yang digunakan untuk tayangan rakaman tersebut tetapi apabila pihak MCA menayangkan insiden 7/5/2009 tersebut di jamuan Makan Malam MCA di Ipoh pada 17/5/2009 mereka dibenarkan berbuat demikian.
10. Pada 26/5/2009 jam lebih kurang 7.00 pagi, polis telah sewenang-wenangnya menangkap 5 orang pekerja yang sedang membuat persiapan memasang belon untuk pelancaran mogok lapar di bangunan DAP Perak dan alasan yang diberikan oleh Ketua Polis Negeri Perak ialah kerana perkataan 'Daulat Tuanku' atas belon tersebut merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948.
11. Polis bertindak tidak membenarkan orang ramai secara aman berkumpul untuk mengadakan kempen memasang lilin untuk menunjuk solidariti dengan rakyat Perak. Mereka yang berbuat demikian di Kuching, Pulau Pinang, Seputeh & Ampang, Kuala Lumpur telah ditangkap dan ditahan oleh pihak Polis.
12. Pada 26/5/2009, polis tanpa asas yang kukuh dari segi undang-undang telah menangkap 21 orang termasuk seorang Ahli Dewan Rakyat, 7 ADUN Perak.

13. Kedaulatan undang-undang dicabuli oleh pihak polis dan ia seakan-akan tidak ada undang-undang lagi di Malaysia terutamanya negeri Perak.
14. Beberapa laporan polis telah dibuat terhadap tindakan-tindakan salah di atas yang dilakukan oleh pihak polis tetapi tidak ada tindakan yang diambil terhadap anggota-anggota polis yang bersalah.

BAHAWASANYA ramai rakyat sekarang mula memberi gelaran 'Polis, Raja di Malaysia' kepada pasukan polis dan pasukan polis tidak lagi digelar 'Polis DiRaja Malaysia' oleh mereka.

BAHAWASANYA setiap Ahli Dewan Rakyat telah berikrar untuk memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Malaysia. Tindakan-tindakan salah polis di atas telah melanggar Perkara-perkara 5 (kebebasan diri), 8 (sama rata), 9 (kebebasan bergerak) dan 10 (kebebasan bercakap, berhimpun dan persatuan) Perlembagaan Persekutuan.

MAKA untuk memulihkan kepercayaan orang ramai kepada institusi polis dan juga untuk memastikan keadaan yang tersebut di atas diperbetulkan dan tidak berlarutan, saya ingin mengusulkan Dewan yang mulia ini untuk membuat satu ketetapan bahawa Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa bin Hassan dipecat dari jawatannya dengan serta-merta.

[Kementerian Dalam Negeri]

34. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan). 'Islam adalah agama bagi persekutuan ***termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya***'

[Perdana Menteri]

35. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan). 'Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, ***kecuali undang-undang dan syariat Islam,***

apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan ***Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara'*** hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu.'

[Perdana Menteri]

36. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan)

'Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya, termasuk menukar agamanya bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam. Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya'

[Perdana Menteri]

37. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut :-

'...tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan...' dan diganti dengan perkataan berikut ;

'dan mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syara' dan undang-undang Islam termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam'.

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas".

[Perdana Menteri]

38. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan menguatkuasakan keputusan Majlis Fatwa kebangsaan pada 08hb.Oktober 1987 dan mengambil langkah memansuh dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain orang yang beragama Islam tidak dipaksa dan/ atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/ atau bertafakur di hadapan Tugu Negara yang telah difatwakan sebagai syirik’.

39. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan otoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja”.

40. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**’ dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

41. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa Caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam**’ dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

[Perdana Menteri]

42. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Caucus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan

menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai ***Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India***”.

[Perdana Menteri]

43. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains & Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut”.

[Kementerian Pelajaran]

44. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halangan’.

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

45. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta”.

[Kementerian Dalam Negeri]

46. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airline, Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutamanya pramugari memakai pakaian / uniform yang

mematuhi hukum syara' sebagaimana syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Emirates Airways, Saudi Airlines, Royal Brunei Airline dan lain-lain".

[Kementerian Pengangkutan]

47. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirate Airways, Brunei Airline dan lain-lain.

[Kementerian Pengangkutan]

48. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom di premisnya".

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]

49. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dalam kegiatan militant Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al Maunah dan lain-lain termasuk Mas Selamat dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi".

[Kementerian Dalam Negeri]

50. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jame' Bandar Raya Kuala

Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan Solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Eidulfitri & Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini”.

[Perdana Menteri]

51. PR-022-U18752

Tuan Zulkifli Bin Noordin (Kulim Bandar Bharu) akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan/atau menarik balik arahan supaya kes-kes penceraian pasangan bukan Islam yang salah seorang dari mereka memilih untuk memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil; atau kes-kes anak-anak bawah umur yang di Islamkan oleh ibu, bapa atau penjaga mereka (yang asalnya bukan Islam) yang kemudiannya memilih memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil.

Bahawa Dewan ini juga mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan / atau menarik balik arahan supaya dasar “common religion” (dengan izin) yang hendak diterima pakai bagi kes-kes kanak-kanak di bawah umur 18 tahun di mana semua kanak-kanak di bawah 18 tahun dianggap menganut agama ibu-bapanya semasa dilahirkan sedangkan dasar “common religion” ini bercanggah dengan hukum syara’ dan perundangan negara seperti berikut:

- i. kerana secara langsung menyebabkan ibu, bapa atau penjaga (yang bukan Islam) dan memilih untuk memeluk Islam akan kehilangan hak penjagaan anak tersebut; sekali gus membantutkan usaha da’wah Islam kerana bukan Islam akan menjadi ragu-ragu untuk memeluk Islam kerana khuatir kehilangan anak;
- ii. dalam keadaan kedua ibu-bapa kanak-kanak (yang asalnya bukan Islam) memilih untuk memeluk Islam maka dasar “common religion” tersebut akan menyebabkan kanak-kanak itu kekal dalam agama asal ibu bapanya dan oleh itu mendedahkan kanak-kanak itu menjadi perebutan untuk penjagaan oleh mana-mana pihak ketiga yang bukan Islam;
- iii. sedangkan hukum syara’ menetapkan bahawa dalam keadaan mana-mana salah seorang ibu-bapanya memeluk Islam maka kanak-kanak di bawah umur aqil baligh itu hendaklah dianggap Islam.

- iv. Dalam kes *Nedunchelian v. Nur Safiqah* [2005] 2 AMR 711, Mahkamah Tinggi sivil telah memutuskan bahawa menurut hukum syara' berdasarkan fahaman mazhab syafi'e (yang dianuti majority umat Islam di Malaysia) bahawa apabila salah seorang ibu atau bapa seseorang kanak-kanak itu memeluk agama Islam, maka secara automatik anak-anak itu juga dianggap Islam, tanpa perlu kepada formaliti atau persijilan pemelukan kepada agama Islam.
- v. Mahkamah Rayuan di dalam kes *Subashini* [2007] 2 AMR 540 telah memutuskan bahawa isu ini tertakluk kepada Artikel 12 (4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa "ugama bagi seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya" dan Mahkamah Rayuan menafsirkan bahawa hak menentukan agama seseorang kanak-kanak bergantung kepada mana-mana salah seorang daripada mereka iaitu ibu, bapa atau penjaga. Bermakna salah seorang daripada mereka berhak untuk menentukan agama yang boleh di anuti oleh anak-anak mereka.
- vi. Keputusan Mahkamah Rayuan ini bersesuaian dengan keputusan Mahkamah Persekutuan didalam kes *Teoh Eng Huat v. MAIK* [1990] MLJ 300.
- vii. Bahawa dasar "common religion" ini hanya berteraskan kepada anggapan bahawa kanak-kanak itu dianggap menganut agama ibu-bapanya semasa dilahirkan, dan tanggapan itu termansuh dengan sendirinya apabila kanak-kanak itu mencapai umur 18 tahun di mana di waktu itu sebagai seseorang yang sudah cukup umur kanak-kanak itu mempunyai hak untuk menentukan agama pilihannya. Sudah tentu dasar seperti ini bercanggah dengan hukum syara' kerana seseorang kanak-kanak Muslim itu dianggap kekal Muslim apabila mencapai umur aqil baligh melainkan diisytiharkan murtad oleh mana-mana Hakim syarie yang melaksanakan undang-undang Islam.
- viii. Dasar ini juga akan menyebabkan pasangan yang memeluk Islam itu terikat kepada sistem perundangan yang bukan Islam dan ini bercanggah sama sekali dengan hukum syara' dan juga Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin dan kebebasan mana-mana warganegara menganut dan mengamal agama pilihannya, bermakna apabila beliau memilih Islam maka beliau berhak untuk dibicarakan di Mahkamah Syariah menurut undang-undang munakahat Islam;

- ix. Dasar yang diputuskan oleh kabinet termasuk mengarahkan kes-kes seumpama di atas dibicarakan di Mahkamah Sivil dan melaksanakan dasar “common religion” akan menyebabkan kepada percanggahan dengan hukum syara, bercanggah dengan Artikel 11, Artikel 12, Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan dan bercanggah dengan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan dan lain-lain.

(Perdana Menteri)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2009</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR.1	Laporan Jawatankuasa Pilihan Dewan Rakyat Mengikut Peraturan Mesyuarat 80A.	30 Jun 2009
ST.67	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) Bagi Tahun 2008.(Telah Diaudit)	30 Jun 2009
ST.68	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Tahun 2008. (Telah Diaudit)	30 Jun 2009

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

TARIKH UCAPAN DIBUAT	AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1. 30.6.2009 (Selasa)	1. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)	1. Tindakan tegas hendaklah diambil ke atas agensi pekerjaan yang menggunakan nama konsultan Sumber Manusia bagi tujuan penipuan.	1. Menteri Sumber Manusia
2. 30.6.2009 (Selasa)	2. Tuan Mohd Firdaus Jaafar (Jerai)	2. Premis Kediaman dan Perniagaan diarah kosongkan premis tanpa bayar pampasan.	2. Menteri Pengangkutan